

04 MAY 1998

DR MAHATHIR BERBINCANG DENGAN MENTERI LUAR JEPUN

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar Jepun, Keizo Obuchi mengadakan perbincangan di sini, pagi ini.

Perbincangan mereka bertumpu kepada usaha-usaha mengatasi masalah ekonomi yang melanda Asia Tenggara.

Setiausaha Bahagian Kementerian Luar bagi Timur dan Selatan Asia, Datuk Syed Norulzaman Syed Kamarulzaman berkata, dalam pertemuan itu Dr Mahathir juga menyampaikan pendapatnya mengenai krisis mata wang yang menjejaskan rantau.

"Mesej yang disampaikan ialah Jepun akan terus menyokong rantau ini menerusi pakej ekonomi setiap negara dan akan menyampaikan apa sahaja bantuan yang mampu disediakan," kata beliau kepada pemberita selepas pertemuan itu di Jabatan Perdana Menteri.

Jepun minggu lepas mengumumkan pakej untuk merangsangkan ekonominya yang bernilai 16.6 trilion yen (AS\$128 bilion).

Obuchi tiba di Kuala Lumpur pada Sabtu lepas dalam rangka lawatan ke tiga negara Asia Tenggara. Sebelum tiba di ibu negara beliau telah singgah di Thailand dan akan berlepas ke Singapura hari ini. -- BERNAMA

MAM PR